



جابتن أكام إسلام فراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Semua Pendaftar
Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'
Negeri Perak Darul Ridzuan

Ruj Kami : JAIPK/BPK/NCR/15 Jld.9 84

Tarikh : 9 September 2020 M
21 Muharram 1442 H

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Tuan,

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM NEGERI PERAK SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Agama Islam Perak mengambil ketetapan berkaitan kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung kelulusan menganjurkan Kursus Praperkahwinan Islam secara bersemuka di negeri Perak. Berdasarkan ketetapan tersebut, penganjur-penganjur Kursus Praperkahwinan Islam adalah dibenarkan untuk menganjurkan kursus secara bersemuka dengan mematuhi **Arahan Tatacara Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam Negeri Perak** yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Perkahwinan Perceraian dan Ruju' Negeri Perak.
3. Untuk makluman tuan, tatacara ini tidaklah membatalkan **Arahan Pelaksanaan Tatacara Temuduga Khas Bagi Permohonan Kebenaran Berkahwin Di Dalam Negeri Perak Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang mula berkuatkuasa pada **3 Jun 2020**. Permohonan bagi mengikuti Temuduga Khas hanya boleh diberi kebenaran oleh Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Negeri Perak (KPNCR) atau Pegawai Tadbir Agama daerah berkenaan.
4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan diminta untuk mengambil maklum dan tindakan selanjutnya berhubung perkara di atas. Perhatian dan tindakan daripada pihak tuan diucapkan jutaan terima kasih.

Sekian, Wassalam

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang mejalankan amanah,

(DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN)

Pengarah,
Jabatan Agama Islam
Perak Darul Ridzuan.

s.k -Timbalan Pengarah, Jabatan Agama Islam Perak
-Ketua Pendaftar Perkahwinan Perceraian dan Ruju' (KPNCR) Negeri Perak
-Fail Timbul

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"